

# 312,390 dos vaksin Pfizer tiba Ahad

Perdana Menteri individu pertama terima suntikan

Oleh Rohaniza Idris, Ahmad Suhael Adnan, Luqman Arif Abdur Karim, Faris Fuad dan Nor Haidya Syafira Amir bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Sejumlah 312,390 dos vaksin Pfizer fasa pertama dijangka tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Ahad ini, dengan Perdana Menteri akan menjadi individu pertama menerima suntikan itu.

Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, beliau akan menerima vaksin itu melalui fasa pertama pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan bermula 26 Februari depan.

Turut menerima vaksin melalui fasa pertama adalah barisan Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), memandangkan tugas ahli politik yang banyak bertemu dengan rakyat.

"Fasa pertama akan membabitkan saya sendiri bersama petugas barisan hadapan bermula hari berkenaan (26 Februari) sehingga April.

"Saya sendiri akan menerima suntikan vaksin pada hari berkenaan bersama-sama petugas barisan hadapan," katanya ketika berucap melancarkan buku panduan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan secara maya di sini, semalam.

Beliau berkata, buku panduan

**PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN**

Kumpulan sasaran bagi 3 fasa pemberian vaksin dan anggaran individu yang akan divaksinasi

**FASA 2 (April - Ogos 2021)**

**Kumpulan utama 1**  
Baki kakitangan penjaga kesihatan serta perkhidmatan penting dan pertahanan

**Kumpulan utama 2**  
Warga emas berusia 65 tahun ke atas, golongan berisiko tinggi mengalami penyakit kronik seperti penyakit jantung, obesiti, diabetes dan tekanan darah tinggi dan orang kelainan upaya (OKU)

\*Maklumat terperinci akan dikemas kini dari semasa ke semasa

**Kawalan wabak**

**FASA 3 (Mei 2021 - Februari 2022)**

**Kumpulan utama**  
Penduduk berusia 18 tahun ke atas (warganegara dan bukan warganegara). Keutamaan diberikan kepada Zon Merah, Zon Kuning dan kemudian Zon Hijau

**Kawalan wabak**  
\*Sumber: KKM

**Kenapa vaksinasi kepada 18 tahun ke atas sahaja?**  
Buat masa ini, kebanyakan percubaan klinikal yang dijalankan adalah kepada sukarelawan berusia 18 tahun ke atas. Beberapa syarikat vaksin akan melaksanakan percubaan klinikal terhadap kanak-kanak. Justeru, kerajaan akan pertimbangkan penggunaan vaksin COVID-19 kepada kanak-kanak apabila terdapat data saintifik yang membuktikan keberkesanan dan keselamatan kepada golongan ini.

**Sasaran 13.7 JUTA orang lebih**

**FASA 1 (Februari - April 2021)**

**Kumpulan utama 1**  
Petugas barisan hadapan yang merangkumi petugas kesihatan kerajaan dan swasta

**Kumpulan utama 2**  
Petugas barisan hadapan yang merangkumi perkhidmatan penting (essential) dan pertahanan

\*Akan dikemas kini dari semasa ke semasa oleh JKJAV

**500,000 orang**

**9.4 JUTA orang**

**KAEDAH PELAKSANAAN VAKSINASI**

**Langkah berjaga-jaga**  
Vaksin COVID-19 adalah selamat bagi majoriti masyarakat. Namun begitu, beberapa kumpulan masyarakat memerlukan pertimbangan lanjut bagi penerimaan vaksinasi ini:

- Individu dengan alahan teruk
- Individu hamil dan ibu menyusui
- Individu yang positif COVID-19
- Individu yang mempunyai masalah sistem imun

**Proses Vaksinasi**

- Proses pelaksanaan vaksinasi di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan merangkumi proses dari enrolmen kumpulan sasaran mengikut keutamaan bagi setiap fasa yang terbabit sehingga pemberian dan pemantauan kesan vaksinasi.
- Mengguna pakai aplikasi MySejahtera dan laman sesawang khas atau secara manual bagi masyarakat yang tidak mempunyai akses aplikasi MySejahtera

**Pendaftaran dan temujanji vaksinasi**  
Pemberian vaksin COVID-19 adalah sukarela tetapi sangat digalakkan bagi membolehkan pembentukkan imuniti kelompok dapat dicapai

**Pendaftaran bagi mendapatkan vaksin akan dilaksanakan menerusi kaedah berikut:**

**Aplikasi MySejahtera**

**Talian hotline (akan dimaklumkan)**

**Program bantuan (outreach) bagi kawasan luar bandar dan pedalaman**

**Laman sesawang [www.vaksinCovid.gov.my](http://www.vaksinCovid.gov.my)**

**Pendaftaran di fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta**

**Maklumat temu janji seperti tarikh dan tempat vaksinasi akan dimaklumkan menerusi aplikasi MySejahtera, panggilan telefon atau SMS**

itu diterbitkan untuk menerangkan lebih lanjut dasar program imunisasi, bagi tujuan rujukan kepada bukan saja pembuat dasar dan pelaksana, tetapi juga masyarakat.

Pada majlis itu, Muhyiddin turut melancarkan laman web [www.VaksinCovid.gov.my](http://www.VaksinCovid.gov.my)

Yang turut hadir, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Ja-

maluddin serta Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba.

Mengulas lanjut, katanya seperti diumumkan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan akan berlangsung melalui tiga fasa, dengan fasa kedua dilaksanakan April hingga Ogos depan membabitkan kumpulan berisiko tinggi.

Fasa ketiga pula akan meliputi golongan dewasa berusia 18 tahun ke atas, bermula Mei depan sehingga Februari 2022.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan semua sektor ekonomi termasuk pelancongan yang terjejas teruk sebelum ini serta aktiviti sosial, akan dibuka sepenuhnya sebaik Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan berjaya dilaksanakan.

"Kita boleh saling menziarahi, aktiviti bersukan juga boleh kita amalkan, tetapi dengan mengamalkan norma baharu. Inilah yang saya maksudkan apabila saya katakan vaksin COVID-19 antara sinar harapan kita yang paling utama untuk menang dalam perang melawan COVID-19," katanya

"Pastinya, satu lembaran baharu bakal terbuka dengan bermulanya Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan hujung bulan ini. Oleh itu, janganlah kita ambil mudah perkara ini. Apabila tiba masanya, jangan berlegh mendafar bagi mendapatkan vaksin," katanya.

Muhyiddin menegaskan program imunisasi menyeluruh penting untuk memastikan imuniti kelompok dapat dibentuk dalam komuniti bagi memutuskan rantaian penularan jangkitan CO-

## Individu tak sesuai tidak disuntik

**Putrajaya:** Saringan sejarah kesihatan dan alahan akan dilakukan ke atas setiap individu sebelum ditentukan kelayakan mereka sebagai penerima vaksin COVID-19.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata prosedur itu penting untuk memastikan individu yang tidak sesuai menerima vaksin, tidak diberikan suntikan itu.

Beliau berkata, vaksin COVID-19 seperti vaksin lain mempunyai kesan sampingan yang ringan, seperti sakit atau begitak di tempat suntikan, keletihan, sakit kepala, sakit otot, sakit sendi, menggigil dan demam.

"Walaupun kesan sampingan serius seperti anafilaksis, na-

mun ia jarang sekali berlaku. Sekiranya ada kesan sampingan serius seperti anafilaksis, rawatan segera akan diberikan.

"Pemantauan berterusan akan dibuat bagi menilai keberkesanan dan keselamatan vaksin sepanjang Program Imunisasi COVID-19 dilaksanakan.

"Tindakan penambahbaikan akan dibuat berdasarkan kepada hasil pemantauan dan penilaian program secara berterusan," katanya selepas melancarkan Buku Panduan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan secara maya di sini, semalam.

Beliau berkata, pemantauan akan dibuat selama 15 hingga 30 minit selepas penerima diberikan suntikan vaksin, sebelum boleh dibenarkan pulang.

VID-19 dan akhirnya menamatkan pandemik.

"Vaksinasi penting untuk kita lindungi bukan saja diri sendiri, tetapi juga yang tersayang iaitu ahli keluarga, rakan kerja, jiran sekeliling dan seluruh komuniti.

"Inilah juga maksud slogan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang saya perkenalkan secara rasmi iaitu Lindung Diri, Lindung Semua," katanya.

Mengulas pemberian vaksin untuk ahli politik, Perdana Menteri berkata kerajaan bersetuju Ahli Parlimen dan ADUN tidak kira di pihak mana sekalipun, akan diberikan vaksin melalui fasa per-

tama untuk membolehkan mereka menjalankan tugas dengan berkesan dan selamat.

Beliau berkata, pemberian itu juga dipersetujui Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) memandangkan Ahli Parlimen dan ADUN biasanya berdepan rapat dengan masyarakat di akar umbi.

Pada Januari lalu, Muhyiddin berkata, 27 juta atau lebih 80 peratus penduduk negara ini akan menerima vaksin secara percuma, dengan proses pengagihan berjalan sehingga suku pertama 2022.

**Ibadat & Fadilat**

Sayidina Ali Ra meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: "Wahai ahli al-Quran (orang Islam), tunaikanlah solat witr. Sesungguhnya Allah SWT itu witr dan Dia sukakan witr." (HR Abu Daud)

Takaful Ikhlas Family Berhad (200201025412) (593075-L)  
Takaful Ikhlas General Berhad (2012010195705) (1233870-A)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:25	1:35	4:54	7:32	8:42
Alor Setar	6:25	1:35	4:54	7:32	8:42
P. Pinang	6:25	1:35	4:54	7:33	8:43
Ipoh	6:22	1:33	4:51	7:31	8:41
Kuala Lumpur	6:19	1:30	4:49	7:29	8:40
Shah Alam	6:19	1:30	4:49	7:29	8:40
Johor Bahru	6:08	1:21	4:39	7:22	8:32
Kuantan	6:12	1:24	4:43	7:24	8:30
Seremban	6:16	1:28	4:47	7:29	8:39
Bandar Melaka	6:15	1:28	4:45	7:28	8:38
Kota Bharu	6:18	1:28	4:47	7:25	8:31
K. Terengganu	6:13	1:24	4:43	7:22	8:32
Kota Kinabalu	5:23	12:33	3:52	6:31	7:41
Kuching	5:43	12:56	4:14	6:57	8:07

[www.takaful-ikhlas.com.my](http://www.takaful-ikhlas.com.my)

Anak syarikat milik penuh MNRB Holdings Berhad